



# JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA

26 JULAI 2024 (KHAMIS)

## Selangor Catat Rekod Tertinggi Dalam Kes Penderaan Haiwan – DVS

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Malaysia Gazette	Nasional	Online	25 Julai



Dr Akma.

KEPALA BATAS – Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS) merekodkan trend peningkatan aduan berhubung penderaan terhadap haiwan terutamanya anjing dan kucing di seluruh negara setiap tahun.

Ketua Pengarah DVS, Dr Akma Ngah Hamid berkata, ia susulan sebanyak 2,162 kes penderaan haiwan direkodkan setakat Jun lalu berbanding 2,622 aduan sepanjang tahun lalu.

Jelas beliau, situasi ini sekali gus menunjukkan kesedaran dalam kalangan masyarakat

mengenai penderaan haiwan semakin meningkat selain banyak Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) bertindak pantas sekiranya terhadap kejadian terbabit.

“Jika berlaku kezaliman atau mungkin nampak salah laku oleh pemilik orang ramai dapat melaporkannya sebab kita ada link animal welfare.

“Kita harap aduan dibuat melalui kaedah yang betul lah jangan mengambil tindakan yang melangkaui batasan mereka sendiri sebab kita ada peraturan dan

akta kebajikan haiwan yang perlu dipatuhi," katanya pada Majlis Hari Kebajikan Haiwan 2024 di Kampung Agung di sini, hari ini.

Perasmian majlis itu disempurnakan EXCO Argroteknologi dan Keterjaminan Makanan dan Pembangunan Koperasi Pulau Pinang, Fahmi Zainol.

Majlis ini bertujuan mempromosikan kebajikan haiwan, menjadikan pemiliknya lebih bertanggungjawab dan memupuk kesedaran mengenai keprihatinan kepada haiwan serta memberi kefahaman kepada masyarakat berhubung peraturan, garis panduan dan pematuhan akta kebajikan haiwan 2015 (akta 722).

Mengulas lanjut Akma berkata, dalam tempoh antara 2021 hingga Jun tahun ini, pihaknya merekodkan kes penderaan paling tinggi terhadap anjing iaitu 5,226 kes, diikuti kucing 1,900 kes, kuda 178 kes, arnab 157 kes, burung 122 kes, lain-lain 116 kes dan lembu 105 kes.

"Selangor merupakan negeri tertinggi iaitu sebanyak 3,334 kes, diikuti Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (1,113 kes), Johor (800 kes), Pulau Pinang (695 kes) dan Perak (491 kes). -

**MALAYSIAGAZETTE**

## Hari Kebajikan Haiwan Pupuk Kesedaran Masyarakat, Aduan Dera Haiwan Meningkat

<b>MEDIA</b>	<b>RUANGAN</b>	<b>MUKA SURAT</b>	<b>TARIKH</b>
BERNAMA	Am	Online	25 Julai



Ketua Pengarah Jabatan Perkhidmatan Veterinar Dr Akma Ngah Hamid (tengah) bersama Pengurus Jawatankuasa Agroteknologi, Keterjaminan Makanan dan Pembangunan Koperasi negeri Fahmi Zainol melakukan gimbik perasmian Sambutan Hari Kebajikan Haiwan Tahun 2024 di Kampung Agong hari ini.

KEPALA BATAS, 25 Julai - Hari Kebajikan Haiwan yang dianjurkan setiap tahun berjaya memberi impak positif dengan meningkatkan dan memupuk kesedaran masyarakat dalam menjaga kebajikan haiwan di negara ini. Ketua Pengarah Perkhidmatan Veterinar Dr Akma Ngah Hamid berkata ia dapat dilihat daripada kesedaran orang ramai yang mula membuat aduan berhubung penderaan haiwan supaya tindakan dapat diambil terhadap pihak tidak bertanggungjawab.

Beliau memaklumkan pihaknya menerima peningkatan aduan berhubung penderaan haiwan

dengan 1,249 kes diterima pada 2021, seterusnya meningkat kepada 1,580 kes pada 2022, 2,622 kes (2023) dan 2,162 kes pada enam bulan pertama tahun ini.

"Masyarakat mula sedar bahawa kebajikan haiwan adalah serius." Ini menunjukkan ada impak daripada Hari Kebajikan Haiwan, promosi kesedaran dan undang-undang ketat yang kita laksanakan," katanya kepada pemberita selepas Majlis Perasmian Hari Kebajikan Haiwan Tahun 2024 di Kampung Agong, Penaga di sini.

Majlis berkenaan dirasmikan oleh Pengerusi Jawatankuasa Agroteknologi dan Keterjaminan Makanan dan Pembangunan Koperasi Pulau Pinang Fahmi Zainol.

Akma berkata anjuran Hari Kebajikan Haiwan itu juga mendapat sokongan badan bukan kerajaan (NGO) yang turut sama menjalankan kempen dan promosi kebajikan serta keprihatinan terhadap haiwan.

Mengenai Hari Kebajikan Haiwan 2024, beliau berkata buat julung kalinya, sambutan tersebut diadakan di luar ibu pejabat iaitu Pulau Pinang dan tahun ini dianjurkan Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS) dengan kerjasama DVS Pulau Pinang, Fakulti Perubatan Veterinar Universiti Putra Malaysia, Murni Ekspo dan Kampung Agong.

Beliau berkata Hari Kebajikan Haiwan diadakan bertujuan mempromosikan kebajikan haiwan seterusnya meningkatkan kesedaran masyarakat berhubung pemilikan bertanggungjawab, ehsan, kasih sayang dan keprihatinan terhadap haiwan.

Antara aktiviti menarik sempena Hari Kebajikan

Haiwan 2024 ialah Animal Welfare Fun Run, reruai pameran kebajikan haiwan di Pet Ekspo Pulau Pinang, Animal Welfare Fun Game dan pertandingan mewarna.

Selain itu, menjelang Hari Kebajikan Haiwan Tahun 2024, turut diadakan pengisian seperti pertandingan pidato sekolah menengah, pertandingan melukis doodle dan mewarna secara dalam talian dan pertandingan fotografi peringkat pelajar universiti.

Sementara itu, DVS dengan kerjasama Murni Expo pula akan menganjurkan Pet Ekspo pada 27 hingga 28 Julai ini di Spice Arena, Bayan Baru dekat sini.

Akma berkata DVS juga sentiasa komited melaksanakan hebahan dan inisiatif kepada orang awam dalam memupuk serta meningkatkan kesedaran berkaitan kebajikan haiwan di negara ini.

Beliau berkata DVS turut menasihati individu atau persatuan berkaitan haiwan untuk menyalurkan terus aduan berhubung kebajikan haiwan kepada pihanya melalui pautan sistem dalam talian [awa.dvs.gov.my](http://awa.dvs.gov.my) (MyAnimalwelfare).-

**BERNAMA**

## Kes Dera Anjing Paling Tinggi - DVS

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
My Metro	Mutakhir	Online	25 Julai



Ketua Pengarah Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS) Dr Akma Ngah Hamid ditemui pemberita pada Majlis Perasmian Hari Kebajikan Haiwan di Kampung Agong, Penaga, Kepala Batas. FOTO Nur Izzati Mohamad

**Kepala Batas:** Tahap kesedaran dan keprihatinan masyarakat berkaitan kes penderaan serta penganiayaan haiwan meningkat pada setiap tahun apabila mereka berani membuat aduan kepada Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS) untuk tindakan lanjut.

Ketua Pengarah DVS Dr Akma Ngah Hamid, berkata aduan penderaan dan penganiayaan haiwan terutamanya anjing dan kucing setakat Jun ini sudah merekodkan 2,162 kes.

"Statistik tahun lalu, sebanyak

2,622 aduan penderaan dan penganiayaan haiwan direkodkan berbanding 1,580 aduan tahun sebelumnya.

"Hal ini menunjukkan kesedaran yang semakin meningkat dalam kalangan masyarakat termasuk semakin banyak badan bukan kerajaan (NGO) yang prihatin terhadap kebajikan haiwan apabila bertindak pantas membuat aduan."

"Oleh itu, saya berharap jika (sesiapa nampak) ada kezaliman atau salah laku oleh pemilik, mereka dapat

melaporkan dengan kaedah mengikut akta dan peraturan yang betul tanpa mengambil tindakan yang melampaui batas," katanya Majlis Perasmian Hari Kebajikan Haiwan di Kampung Agong, Penaga, di sini, hari ini.

Sambutan itu bertujuan mempromosikan kebajikan haiwan dengan menjadikan pemilik haiwan lebih bertanggungjawab dan memupuk kesedaran mengenai keprihatinan kepada haiwan.

Pada masa sama, ia memberi kefahaman kepada masyarakat berhubung peraturan, garis panduan dan pematuhan Akta Kebajikan Haiwan 2015 (Akta 722)

Mengulas lanjut, Dr Akma berkata, dalam tempoh antara 2021 hingga Jun tahun ini pihaknya merekodkan kes penderaan paling tinggi terhadap anjing iaitu 5,226 kes diikuti kucing 1,900 kes, 178 kes (kuda), 157 kes (arnab), 122 kes (burung), 105 kes (lembu) dan 116 lain-lain kes.

"Selangor menjadi negeri tertinggi (merekodkan penganiayaan kes haiwan) iaitu 3,334 kes diikuti Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (1,113 kes), Johor (800 kes), Pulau Pinang (695 kes) dan Perak (491 kes)," katanya.-

**MYMETRO**

## JPV Ambil Sampel, Siasat Punca Kematian 27 Anjing Liar

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Astro Awani	Mutakhir	Online	25 Julai



GAMBAR fail, sekadar hiasan. FOTO NSTP

Kepala Batas: Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) Pulau Pinang mengambil sampel tanah, rumput, daging terbuang dan air dari sungai berhampiran kawasan perumahan di Tanjong Bungah dekat sini untuk mengenal pasti punca kematian 27 anjing liar.

Pengaruhnya Dr Saira Banu Mohamed Rejab berkata sampel itu dihantar ke Jabatan Kimia untuk dianalisis bagi mengetahui punca sebenar kematian anjing berkenaan yang dipercayai diracun.

"Pihak kami perlu menunggu

hasil analisis Jabatan Kimia bagi mengetahui punca sebenar dan ini mungkin mengambil masa yang lama, setakat ini sukar untuk menentukan apa penyebab keracunan sama ada disengajakan atau haiwan itu memakan racun perosak," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas Majlis Perasmian Hari Kebajikan Haiwan Tahun 2024 di Kampung Agong, Penaga di sini yang dirasmikan oleh Pengurus Jawatankuasa Agroteknologi dan Keterjaminan Makanan

dan Pembangunan Koperasi Pulau Pinang Fahmi Zainol.

Sebelum ini, media melaporkan seekor anjing baka Husky dan lebih 20 ekor anjing liar lain ditemukan mati di kawasan perumahan di Tanjung Bungah, awal bulan ini.-[MYMETRO](#)

## Suspected Poisoning: DVS Sends Samples For Testing

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
NST	Nation	Online	25 Julai



The Penang Veterinary Services Department has taken various samples for testing following the death of nearly 30 dogs in Tanjung Bunga here recently. File pic

**BUTTERWORTH:** The Penang Veterinary Services Department has taken various samples for testing following the death of nearly 30 dogs in Tanjung Bunga here recently.

They included soil, grass, leftover meat and water from a stream near a neighbourhood there.

State DVS director Dr Saira Banu Mohamed Rejab said the samples were taken over the past few weeks for analysis.

"We are awaiting the results from the Chemistry

Department. It may take some time," she said at the sidelines of the National Animal Welfare Day celebration here today.

Elaborating, Saira said it was hard to pinpoint what could have caused the poisoning, whether done deliberately or that the dogs had ingested the pesticide.

Last Friday, another dog died of suspected poisoning as mystery surrounds the spate of such cases in Penang.

In the latest case, a dog was

found dead at the Linear Park around a condominium in Tanjung Bunga here.

This latest incident brings to about 30 cases of dogs found dead from suspected poisoning.

One of the dogs, a 6-year-old Husky named Lilou, was believed to have died after consuming food or grass contaminated with poison near the Mira Residence condominium.

Animal lovers and non-governmental organisations have called for immediate actions to put a stop to such an incident.-[NST](#)

## DVS Officers Will Handle Poisoned Dogs, Pet Lovers Told

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
MSN	National	Online	25 Julai



FMT © freemalaysiatoday.com

Penang veterinary services department director Dr Saira Banu Rejab said they had received 135 complaints of animal cruelty from January to July, but no cases have been brought to court.

**BUTTERWORTH:** The Penang veterinary services department (DVS) has clarified that pet owners on the island do not need to travel 30km to the mainland to have their dogs or cats examined if they are suspected to have been poisoned.

State DVS director Dr Saira Banu Rejab said the owners only have to lodge reports with the animal welfare officer on duty at 04-5084368 or lodge complaints through the DVS Animal Welfare portal at [awa.dvs.gov.my](http://awa.dvs.gov.my).

“An animal welfare officer will head out to pick them up, as long as the animal has been dead for less than 48 hours,” she said on the sidelines of the Animal Welfare Day event in Penaga here today.

Saira was responding to a proposal to set up a lab on the island after pet owners claimed they were often told by DVS officers to transport the poisoned animals to the mainland.

This follows a spate of deaths involving about 30 stray dogs and one pet husky over the past two weeks.

Saira said the department's lab in Seberang Perai serves the whole state. She said official complaints are important to establish a paper trail in the event a case is brought to court.

Separately, Penang executive councillor Fahmi Zainol said the public must be educated better on how to make complaints related to animal welfare.

He also said there must be heftier penalties imposed on animal cruelty cases.

Saira said her department received 135 complaints of animal cruelty from January to July, but no cases have been brought to court.-[MSN](#)

## DVS To Analyse Soil, Water, Food Samples In Dog Poisoning Probe

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
FMT	Nation	Online	25 Julai



**FMT** © freemalasiatoday.com

*More than 30 dogs, mostly strays, have been reported poisoned in the vicinity of Permai Gardens in Tanjung Bungah, Penang, over the past few weeks.*

**BUTTERWORTH:** The veterinary services department (DVS) has taken samples of soil, grass, leftover meat and water from a stream near a neighbourhood in Tanjung Bungah after more than 30 dogs were reported to have been poisoned.

Penang DVS director Dr Saira Banu Rejab said the samples were taken over the past few weeks by animal welfare officers and sent to the chemistry department for analysis.

"We will have to wait for the department's analysis. This

might take a long time.

It is hard to pinpoint at this moment what could have caused the poisoning, whether it was deliberate or if the dogs ingested pesticide, she said on the sidelines of the National Animal Welfare Day celebration in Penaga here today.

Over the past two weeks, a string of reports of poisoned dogs have shocked the Permai Gardens neighbourhood in Tanjung Bungah. While most of the

animals were strays, one was a six-year-old pet husky, Lilou.

Animal lovers have since told FMT the death toll has exceeded 30 canines.

Penang DVS, which is responsible for pet animals and animal husbandry in general, has urged anyone spotting animals suspected of being poisoned to contact them at [awa.dvs.org.my](http://awa.dvs.org.my) or 04-508-4368.-FMT

**TERIMA KASIH**

DISEDIAKAN OLEH:

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT  
JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR